

# Buletin

Zulkaedah 1445H/ Mei 2024

ACIS

# Talkin dalam Neraca Syarak.

Membimbing dengan cara yang baik,  
bukan menjadikan yang baik **6**

Daging Kultur **7**

Hikmah Dalam Kehidupan **9**

Rezeki dalam Perniagaan **10**

Kemeriahuan Sambutan Hari Raya  
ACIS, UHEI & ALUMNI Negeri  
Sembilan 1445H dan Majlis Persaraan  
Ustazah Norlela **12**



e-ISSN 2600-8289



9 7 7 2 6 0 8 2 8 0 0 1

# Talkin Dalam Neraca Syarak

Oleh:

**Dr. Muhammad Firdaus bin Abdul Manaf**

Penulis Penghubung & Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

## Definisi Talkin

Menurut Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, perkataan ‘talkin’ secara etimologinya berasal daripada perkataan Bahasa Arab iaitu *laqqana*, *yulaqqinu* dan *talqinan* yang bermaksud ‘menyebut untuk diulangi atau menyebut dua kalimah syahadah kepada seseorang’ (2006). Kamus Al-Miftah mendefinisikan talkin sebagai ‘mengajar dan memahamkan’ (2008). Kamus Lisan al-Arab (2000) pula menjelaskan maksud talkin dengan makna ‘menjelaskan’. Secara terminologinya, pengertian talkin ini dijelaskan lagi oleh Kamus Dewan Edisi Keempat (2016) sebagai ‘petunjuk atau peringatan tentang soal jawab dalam kubur yang dibacakan kepada jenazah orang Islam selepas sahaja ia dikebumikan’. Istilah ini juga didefinisikan sebagai ‘bimbangan untuk mengucapkan dua kalimah syahadah yang dibisikkan pada telinga seseorang mukmin yang sedang menghadapi saat kematian atau dalam keadaan nazak’.

## Pengamalan Talkin di Nusantara

Masyarakat Islam di Nusantara tidak asing lagi dengan perkataan dan pengamalan talkin kerana ia sudah menjadi satu budaya di mana akan ada individu yang duduk di samping mereka yang hendak menghembuskan nafas terakhir atau nazak untuk dibantu bagi mengingati Allah SWT dengan mengajarkannya untuk mengucapkan dua kalimah syahadah secara perlahan-lahan dengan mengungkapkannya satu per satu daripada kalimah tersebut. Lazimnya, bagi mereka yang menghadapi nazak akan terlupa untuk mengingati semua perkara kerana dahsyatnya kesakitan yang dirasai.

Nazak ini turut dialami oleh Rasulullah SAW sendiri ketika di hujung hayat Baginda SAW. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Anas bin Malik RA, beliau berkata dengan maksudnya, “*Tatkala Nabi SAW menghadapi saat-saat nazak, Saidatina Fatimah RA yang melihat secara langsung keadaan Nabi Muhammad SAW nazak, beliau berkata, alangkah dahsyatnya nazakmu, wahai ayahandaku*”. Baginda Rasulullah SAW menjawab, “ayahandamu selepas hari ini”.

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi, Saidatina Aisyah RA berkata yang bermaksud, “*Aku tidak lagi iri dengan sesiapapun yang dimudahkan urusannya ketika menghadapi nazak, setelah aku melihat kepedihan dalam nazaknya Rasullah SAW*”. Dalam riwayat Abu al-Hasan RA, Nabi Muhammad SAW menggambarkan kesakitan nazak itu seumpama tubuh yang ditusuk pedang sebanyak 300 kali. Nabi Muhammad SAW menggambarkan sedemikian kerana kepedihan sakitnya nazak adalah benar-benar berlaku kepada semua orang, termasuklah ke atas Baginda SAW sendiri, walaupun Baginda SAW merupakan kekasih Allah SWT. Oleh yang demikian, talkin adalah salah satu cara bagi membantu mereka yang sedang menghadapi nazak tersebut untuk mengucapkan dua kalimah syahadah.

Selain itu, talkin juga dibaca atau diucapkan selepas jenazah dikebumikan. Intipati talkin itu kesemuanya mengandungi kebaikan termasuklah puji-pujian kepada Allah SWT yang Maha Esa dan Maha Kekal Selamanya, ‘mengingatkan’ si mati tentang siapakah yang sebenar-benarnya tuhan yang disembah, siapakah nabi yang menjadi ikutan kaum muslimin, apakah agama anutan ketika hidup, di manakah kiblat para muslimin, siapakah yang dianggap saudara ketika hidup, apakah pegangan iktikad dan apakah kalimah yang dibawa bersama-sama dalam alam barzakh.

‘Mengingatkan’ dalam konteks talkin ini bukanlah sekadar menyoal semata-mata, bahkan jawapan bagi setiap persoalan yang dilontarkan sebelum ini akan dijawab kembali daripada pembaca talkin iaitu tuhan kami yang sebenar-benar disembah hanyalah Allah SWT, nabi kami ialah Nabi Muhammad SAW, agama yang kami anuti ialah Islam, Baitullah ialah kiblat kami, semua orang Islam dan orang-orang yang beriman ialah saudara kami, hidup dan mati kami beritikad bahawa tiada tuhan yang layak disembah selain Allah SWT semata-mata dan Nabi Muhammad SAW itu ialah rasulNya dan diakhiri dengan mengingati bahawa meninggal dunia itu hanyalah perpisahan sementara kerana akhir pertemuan ialah ditempat yang kekal abadi, iaitu di akhirat sana. Ini disusuli dengan mendoakan kesejahteraan si mati di dalam alam barzakh, memberikan kemaafan kepadanya, memohon agar diberikan keampunan daripada Allah SWT atas segala kesilapan yang telah dilakukan semasa hidup si mati. Dengan mengingatkan perkara sedemikian, diharapkan dapat membantu si mati dalam kubur untuk menjawab dengan lancar, apabila disoal oleh malaikat dengan tanpa sebarang keraguan.



## Dalil Mengenai Talkin

Ada sebahagian golongan yang menolak amalan membaca talkin ini kepada si mati, sedangkan amalan ini merupakan saranan daripada para ulama salaf (sebelum tahun 300 Hijrah) dan juga ulama khalaf (selepas tahun 300 Hijrah) dengan butiran maklumat di bawah:

### Hadis Riwayat Saidina Abu Umamah R.A

Imam Tabarani RA menukilkan dalam kitabnya yang berjudul al-Mu'jam al-Kabir dengan terjemahannya, 'Daripada Sa'id bin 'Abdullah al-'Audi mengatakan bahawa aku melihat Saidina Abu Umamah RA ketika beliau dalam keadaan nazak. Lalu, beliau berkata, "Andainya aku meninggal dunia buatkanlah kepadaku sebagaimana yang diperintahkan oleh Rasulullah SAW terhadap si mati dalam kalangan kita". Rasulullah SAW menyuruh kita dengan sabdanya, "kamu yang meninggal dunia, maka hendaklah diratakan tanah di atas kuburnya. Kemudian, salah seorang daripada kamu hendaklah berdiri di tepi bahagian kepalaunya (mengadap ke mukanya) dan katakanlah (kepada si mati), 'Wahai si fulan anak kepada si fulanah! (Ketahuilah) sesungguhnya, dia (si mati) itu mendengar, cuma tidak boleh menjawab. Kemudian katakanlah, 'Wahai si fulan anak kepada si fulanah!'. Ketahuilah ketika itu, dia pun duduk. Kemudian katakanlah, 'wahai si fulan anak kepada si fulanah!'. Lalu si mati pun menjawab, 'Berilah bimbingan dan ingatan kepada kami, mudah-mudahan engkau (yang bertalqin) dirahmati oleh Allah'. Tetapi ketahuilah (apa yang berlaku ketika itu), kamu semua tidak menyadarinya. Justeru, katakanlah kepada (si mati) sesuatu yang mengingatkan si mati apa yang dibawa balik dari dunia ini, jangan melupakan ikatan janji taat setia yang ada semasa meninggalkan dunia sewaktu menuju ke alam akhirat iaitu mengucap dua kalimah syahadah, meyakini bahawa Allah SWT sebagai satu-satunya Tuhan yang disembah, Islam sebagai agama, Nabi Muhammad SAW itu sebagai Nabi serta Rasul dan al-Quran itu sebagai pedoman serta ikutanmu". Setelah malaikat Munkar dan Nakir mendengar talkin kepada si mati tersebut, maka kedua-duanya pun meninggalkan si mati tadi. Lalu seorang lelaki bertanya kepada Baginda SAW, "Wahai Rasulullah! Sekiranya tidak diketahui nama ibu si mati, apa yang perlu kami lakukan? Sabda Baginda SAW, 'Nasabkan namanya kepada Hawa'.

Mengulas hadis sebelum ini, hadis ini dikenali dengan hadis riwayat Saidina Abu Umamah RA kerana beliau yang mendengar secara langsung daripada Rasulullah SAW. Imam al-Tabrani dan Imam Ahmad bin Hanbal turut meriwayatkan hadis yang sama. Hadis ini juga digunakan dalam kalangan ulama fiqh yang terkenal dalam 'Mazhab Imam Syafii' berkaitan dengan amalan talkin dalam Islam, sebagaimana yang dinukilkkan dalam kitab ditulis oleh Imam Nawawi, kitab al-Anwar yang ditulis oleh Syeikh al-Ardabili dan lain-lain lagi.

Hadis sebelum ini juga menunjukkan bahawa Nabi Muhammad SAW menyuruh umatnya untuk mentalkinkan si mati, walaupun si mati tersebut telah pun dikebumikan. Semasa dibacakan talkin dalam hadis, berdasarkan fatwa Sheikh Mansur dalam kitabnya yang berjudul *al-Taj* menyebutkan bahawa untuk menyeru nama si mati dan nama ibunya, sekurang-kurangnya hendaklah dilakukan sebanyak tiga kali. Walau pun begitu, Ibn Huzamah memberikan kritikan bahawa sanad dalam hadis ini terdapat sedikit kelemahan, ini kerana salah seorang perawi hadis ini yang bernama 'Asim bin 'Abdullah mempunyai sedikit kekurangan daripada sudut hafalan. Sungguhpun demikian, Imam Sya'rani dalam kitabnya yang berjudul *Mizan al-I'tidal* menyatakan dengan tegas bahawa kekurangan sanad ini sedikitpun ia tidak mencacatkan intipati hadis tersebut.

Sebagai menyokong hadis tersebut, terdapat sebuah lagi hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Syamamah al-Mahri RA yang bermaksud, "Kami sempat menziarahi Saidina Amru bin al-'As RA ketika beliau nazak, lalu beliau berkata, 'Apabila aku sudah meninggal dunia, janganlah yang mengiringi jenazahku itu perempuan yang meratap dan menangis serta membawa api. Maka apabila kamu telah mengkebumikan aku, kemudian kamu ratakanlah tanah dengan sempurna. Selepas itu, berhentilah kamu di sekeliling kuburku sekadar masa sembelihan kibas dan membahagi-bahagikan dagingnya. (Ini bertujuan agar) aku dapat (merasa tenang) bersama-sama kamu dan supaya dapat aku meneliti jawapan utusan Tuhanaku'.

Hujjah al-Islam Imam al-Ghazali memasukkan amalan talkin sebagai amalan sunat yang dianjurkan dalam Islam. Jika ada yang meletakkan kedudukan hadis ini sebagai daif sekalipun, ia tidak menjadi isu kerana matanya banyak mendapat sokongan daripada jalinan hadis-hadis sahih yang lain.

### Fatwa Imam al-Suyuti

Imam al-Suyuti dalam kitab beliau yang berjudul 'al-Hawi li al-Fatawa' berhujah mengenai kebenaran kisah 'Soal Munkar Nakir Dalam Kubur' bagi menyokong pandangan Imam Abu Bakar bin Furik dalam kitabnya 'al-Nizam fi Usul al-Din' dan Imam Ismail bin Ahmad dalam kitabnya 'Minhaj al-Salimin fi Tariqat al-Mutaqaddimin' yang menyatakan bahawa 'Soal Munkar Nakir Dalam Kubur' itu adalah benar-benar akan berlaku. Konflik ini berlaku apabila aliran Mu'tazilah menolak perkara tersebut kerana asas fahaman mereka yang tidak sehaluan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah terutamanya dalam isu talkin ini.



Bermula daripada polemik inilah, sejarah talkin yang diketahui umum pada hari ini bermula. Imam al-Suyuti dalam kitab beliau yang berjudul ‘al-Hawi li al-Fatawa’ menyebut bahawa Nabi Muhammad SAW menyemadikan puteranya yang bernama Ibrahim sambil bertalkin kepadanya, ‘(Wahai Ibrahim!) Katakanlah bahawa Allah itu ialah Tuhanmu, Islam itu ialah agamaku dan Rasulullah itu ialah ayahandaku.

Imam al-Subki mengatakan bahawa yang dianjurkan untuk ditalkinkan hanyalah si mati yang sudah mukallaf. Hadis Rasulullah SAW mentalkinkan puteranya iaitu Ibrahim dianggap sebagai hadis yang berstatus ‘gharib’. Imam Ismail bin Ahmad dalam kitabnya yang berjudul ‘Minhaj al-Salimin fi Tariqat al-Mutaqaddimin’ menyebutkan bahawa talkin itu ada sandaran dalilnya. ‘Hadis gharib’ ialah hadis yang perawinya hanyalah seorang sahaja sebagaimana disebutkan dalam kitab ‘al-Manzumah al-Baiquniyah’, tetapi ini tidak menafikan kesahihannya.

### Ibn Taimiyah dan Ibn al-Qaiyim Al-Jauzi

Ibn Taimiyah dan Ibn al-Qaiyim al-Jauzi merupakan dua orang tokoh yang menjadi sumber rujukan golongan berfahaman Wahhabi. Justeru, banyak pandangan kedua-dua tokoh ini yang ditolak fahamannya dalam banyak hal. Sungguh pun demikian, mereka berdua bersetuju mengenai amalan talkin ini. Ibn Taimiyah dalam kitab *Majmu’ al-Fatawa* (24/294), apabila ditanya mengenai talkin kepada si mati selepas dikebumikan, lalu beliau menjawabnya, ‘Talkin itu telah dinukilkkan daripada sekumpulan para sahabat di mana mereka menyuruh untuk melakukannya sebagaimana perbuatan Saidina Abu Umamah RA dan lain-lainnya. Dalam soal ini, terdapat hadis daripada Nabi Muhammad SAW, tetapi hadis ini tidak dapat dipastikan kesahihannya dan tidak kesemua para sahabat yang melakukannya. Namun, ia bukan bermaksud perbuatan tersebut adalah dilarang’.

Ibn al-Qaiyim al-Jauzi dalam kitabnya iaitu ‘al-Roh’ menyebut bahawa beliau menyokong amalan talkin ini dengan mengatakan bahawa kedudukan hadis ini sekalipun ‘tidak pasti’, tetapi ia telah diamalkan di merata tempat dan zaman tanpa ada sesiapa yang menentang akan orang yang mengamalkannya.

### Kesimpulan

Amalan talkin merupakan amalan yang dianjurkan dalam Islam. Ini bersesuaian dengan enakmen yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus (JMKNNS) pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 30, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991 dan setelah diluluskan dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa Syariah menurut Sub Seksyen 33(6) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991, maka YB Sahibus Samahah Dato’ Mufti Kerajaan Negeri Sembilan bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Syariah ketika itu, dengan ini mengeluarkan fatwa bahawa hukum melakukan talkin adalah sunat.

Masa untuk dilakukan talkin tersebut ialah semasa ihtidar atau nazak dan atau selepas dikebumikan. Semasa di dalam ihtidar atau nazak, maka sunat diajarkannya untuk mengucapkan dua kalimah syahadah dan bagi mayat yang telah dikebumikan, maka hendaklah ditalkinkan di sisi kuburnya dengan perkataan, ‘Kata olehmu bahawa Tuhanmu hanyalah Allah, Agamaku hanyalah Islam, Nabiku ialah Nabi Muhammad SAW hingga akhir talkin.

Keputusan daripada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan (MJFNS) Bil. 5/2016-1437 Hijrah yang bersidang pada 31 Mei 2016 bersamaan 24 Syaaban 1437 Hijrah telah bersetuju untuk melarang mana-mana orang atau kumpulan untuk membidaahkan amalan talkin. Bahkan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan melarang mana-mana orang atau kumpulan untuk menegah dan pengajaran talkin ini di Negeri Sembilan. Ini selaras dengan keputusan-keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan sebelum ini, yang mempunyai kedudukan sebagai badan berautoriti tertinggi agama untuk mengeluarkan fatwa dan pandangan hukum dalam negeri ini dan ianya selari dengan peruntukan undang-undang dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

### Rujukan

- Ab. Ghani, M. N., Tajuid, M. F., Zainuddin, S., Khasim, N., Abdull Raffar, R., Abu Bakar, Y., (2016). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Jainal Sakiban (2008). Talqin dan 100 Buah Kitab Menolak Fahaman Wahabi. Johor Bahru; Cetak Ratu Sdn. Bhd.  
Ibn Manzur, J. M. (2000). Lisan al-Arab. Beirut; Dar al-Fikr.  
Khalid, U., Hamzah, S., Awang Mat Dahan, H. B., al-Muhammadi, A. H., Mohd. Nor, B. M., Mohd., A. H., & Mohd. Ali, M. H. (2006). Kamus Besar Arab-Melayu Dewan. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Rusman Siregar (2021). Saat Sakatul Maut Rasullah. Indonesia  
Zainuddin, M. K., Zainuddin, M. N. & Mohd Isa, M. F. (2008). Al-Miftah. Negeri Sembilan; Al-Azhar Media.  
<http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/find/pr/11028>

